



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BUKIT KEPAYANG
PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN
SECARA DALAM TALIAN TAHUN 2021

BAHASA MELAYU, TINGKATAN 3

BAHAGIAN A

(20 markah)

Soalan 1-5

Arahan : Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Guru-guru di Malaysia sanggup berkorban dan bekerja tanpa batasan tempat, masa dan wang ringgit demi pendidikan _____.
A. anak kandung
B. anak bangsa
C. anak saudara
D. anak emas
2. Penduduk taman itu bimbang kerana banyak anjing liar yang _____ di taman permainan.
A. bertaburan
B. bertempiran
C. berkeliaran
D. berjalan-jalan
3. Pengguna jalan raya hendaklah _____ peraturan lalu lintas untuk mengelakkan berlakunya kemalangan.
A. mentaati
B. mengikuti
C. mematuhi
D. mengakuri
4. Encik Zamani _____ di ruang tamu sambil berfikir tentang cara untuk menyelesaikan masalah syarikatnya.
A. lalu-lalang
B. mundar-mandir
C. ulang-alik
D. pusing-pusing

5. Rancanglah masa depan kita dengan telitinya _____ kita beroleh kejayaan yang membanggakan.
A. maka
B. apabila
C. agar
D. kerana

Soalan 6-8

Arahan: Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

6. Anak-anak merasa seronok mencari remis
A
bersama ibu bapa di pantai. Tiada kesalahan.
B C D
7. Bahasa merupakan suatu lambang jati diri
A B
yang utama bagi rakyat Malaysia.
C
Tiada kesalahan.
D
8. Sudah lama saya tidak pulang ke kampung,
A
lama-lama dia sudah tidak tinggal di situ lagi.
B C
Tiada kesalahan.
D

Soalan 9-10

Arahan: Pilih ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya dan tentukan bahawa anda telah memilih cadangan jawapan yang paling sesuai.

9. I Tudung yang berwarna biru *muda* amat sesuai dengan baju kurung ini.
II Adik sudah tidur meskipun malam masih *muda*.
III Buah mangga di dalam bakul itu sudah *muda*.
IV Dalam usia *muda* ini, sepatutnya dia menghabiskan masa di rumah bersama-sama dengan keluarga.
A. I dan IV sahaja
B. I dan III sahaja
C. I, II dan III sahaja
D. I, II dan IV sahaja
10. I Dia memerhatikan gelagat remaja yang berkeliaran itu dengan pandangan yang *tajam*.
II Beliau melemparkan sindiran *tajam* kepada golongan yang suka memperlekeh Bahasa Melayu.
III Suara penyanyi utama kumpulan itu nyaring dan *tajam*.
IV Pengerusi kelab itu sentiasa mengalulkan buah fikiran ahli yang *tajam*.
A. I dan II sahaja
B. I dan III sahaja
C. II dan IV sahaja
D. III dan IV sahaja

Soalan 11-13

Arahan : Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

11. **Siswazah hendaklah diberikan sokongan yang sewajarnya agar mereka mampu berdikari selepas keluar dari universiti.**

- A. Menjadi siswa yang mampu menghadapi dunia realiti sewajarnya diberi sokongan oleh siswazah.
B. Siswazah yang berdikari selepas keluar dari universiti hendaklah diberikan sokongan yang secukupnya.
C. Sokongan yang sepatutnya haruslah diberikan kepada kalangan siswa agar mereka menjadi rakyat yang berfaedah untuk negara.
D. Semua pihak hendaklah memberikan sokongan yang sewajarnya kepada siswazah agar ereka mampu berdikari selepas keluar universiti.

12. **Penggunaan komputer lebih banyak membawa kesan baik daripada kesan buruk kepada manusia.**

- A. Penggunaan komputer yang banyak telah mengakibatkan manusia menerima kesan yang baik dan buruk.
B. Dengan penggunaan komputer yang banyak, manusia menerima kesan baik dan buruk.
C. Manusia menerima kesan baik dan buruk dalam penggunaan komputer.
D. Lebih banyak manusia menerima kesan baik daripada kesan buruk daripada menggunakan komputer.

13. "Aina, janganlah boros semasa berbelanja kerana keluarga kita bukannya orang senang," kata Encik Nazlan.
- A. Aina diminta berjimat cermat oleh Encik Nazlan kerana keluarganya bukan orang senang.
 - B. Aina mendengar nasihat Encik Nazlan supaya berjimat cermat semasa berbelanja memandangkan kesusahan yang dialami oleh keluarga mereka.
 - C. Encik Nazlan menasihati Aina agar tidak boros dalam berbelanja kerana keluarga mereka susah.
 - D. Encik Nazlan mengarahkan Aina agar berjimat cermat semasa berbelanja kerana keluarga mereka susah.

Soalan 14-15

Arahan : Pilih jawapan yang **paling sesuai** bagi pernyataan-pernyataan yang berkaitan dengan peribahasa yang dibawah ini.

14. Razlan hidup susah. Dia diingatkan agar tidak meneruskan niatnya untuk meminang anak orang yang kaya-raya itu. Kata orang
- A. Belanda dapat tanah.
 - B. ukur baju dibadan sendiri
 - C. sarang tebuan jangan dijolok
 - D. air tenang jangan disangka tiada buaya.
15. Peribahasa yang berikut berkaitan dengan semangat bekerjasama, **kecuali**
- A. ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
 - B. hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
 - C. kalah jadi abu, menang jadi arang
 - D. berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

Soalan 16-20

Baca petikan cerpen dibawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Sayup mata memandang. Tenang hati Alif ketika menyeluruhi peta kemas di hadapannya. Suara abah acap kedengaran di cuping telinga. Wajah tenang abah terasa-rasa mesra di penjuru mata. Ya, abah tidak lama lagi kita akan menuai emas, hatinya berbisik.

Kesyukuran terjarum menusuk hati. Ini ganjaran daripada sebuah kesabaran. Ini imbuhan daripada sebuah keredaan. Datang pula suara emak melantun-lantun di telinga. Terima kasih yang tidak terkimah, emak, selalu mendidik anakmu ini makna syukur, sabar dan reda.

Alif tersentak ketika gegendangnya ditujuh bunyi hon singkat tetapi keras. Sebuah motosikal hampir melanggarnya. Dia berundur selangkah seraya mengelopak senyuman apabila bersabung pandang dengan si penunggang motosikal.

"Hah, anak muda! Awal-awal pagi lagi sudah di petak bendang?"

Nada Tuk Ketua tegas tetapi sebagaimana biasa *berbaur kemesraan* yang hangat dalam suara yang seperti sengaja dikeraskan itu.

"Alhamdulillah, elok awal-awal, tuk."

Alif membalas sambil merenung wajah orang penting di kampung itu yang berbaju melayu, berkain pelikat dan berkopiah putih. Barangkali Tuk Ketua dari masjid selepas berjemaah subuh. Hari lamun benar. Pagi masih berasap embun.

"Bila jentera tuai sampai?"

"Insya-Allah esok, tuk. Kita akan memulakan kerja menuai esok."

(Dipetik daripada Menuai Emas, antologi "Baik Budi Indah Bahasa",
Tingkatan 2, Arah Pendidikan Sdn Bhd)

- | | |
|--|---|
| <p>16. Apakah yang sedang dipandang oleh Alif?</p> <p>A. Lautan yang luas</p> <p>B. Deretan rumah kampung</p> <p>C. Sawah bendang</p> <p>D. Hutan belantara</p> <p>17. Mengapakah Alif berterima kasih kepada emaknya?</p> <p>A. Menghantar Alif ke universiti.</p> <p>B. Mengajar Alif supaya sabar dan reda.</p> <p>C. Menjaga Alif setelah kematian bapanya.</p> <p>D. Membantu Alif menuai padi.</p> <p>18. Apakah maksud rangkai kata <i>berbaur kemesraan</i>?</p> <p>A. ada unsur sangat akrab</p> <p>B. bercakap perkara baik</p> <p>C. sentiasa bersama</p> | <p>D. hubungan yang positif</p> <p>19. Pilih persoalan yang terdapat dalam petikan cerpen di atas</p> <p>A. Kesyukuran anak muda apabila melihat hasil yang akan diperolehnya</p> <p>B. Tanggungjawab anak muda terhadap kemajuan negara</p> <p>C. Ketamakan manusia apabila dipengaruhi wang ringgit</p> <p>D. Penghijrahan anak muda ke Bandar</p> <p>20. Berikut merupakan nilai yang terdapat dalam cerpen menuai emas, kecuali</p> <p>A. Berdikari</p> <p>B. Kerajinan</p> <p>C. Hemah tinggi</p> <p>D. Baik hati</p> |
|--|---|

BAHAGIAN B
(15 markah)

1. SISTEM BAHASA

Tukarkan ayat aktif yang berikut kepada ayat pasif. (2m)

1. Malaysia turut mengimport daging kerbau dari India bagi menampung bekalan daging negara.

2. Remaja tidak mengendahkan karya sastera tetapi sebaliknya begitu asyik dengan pelbagai gajet.

Analisis kesalahan ejaan yang terdapat dalam petikan di bawah dan tulis ejaan yang betul dalam ruang yang disediakan. (3m)

Di sekolah, murid-murid boleh didedahkan dengan seni khat atau kaligrafik Jawi melalui matapelajaran Pendidikan Seni Visual. Pihak sekolah boleh menganjurkan pertandingan seni khat Jawi untuk menarik minat mereka kepada bidang kesenian ini. Seni khat Jawi juga boleh digunakan pada kulit buku, logo sharikat dan barangan cenderamata.

1. _____ 2. _____ 3. _____

2. PEMAHAMAN PETIKAN

Arahan: Teliti **bahan 1** dan **bahan 2** di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya.

BAHAN 1

Pada masa kini, gejala sosial seperti buli dan gengsterisme telah menjadi masalah disiplin yang serius di sekolah menengah. Keadaan bertambah teruk apabila semua pihak mula menuding jari kepada guru-guru serta pengetua di sekolah yang tidak tahu mengawal tahap disiplin murid-murid mereka. Sebenarnya, badan disiplin di sekolah sentiasa mencari jalan untuk mengurangkan kadar masalah sosial yang sering berlaku di kawasan sekolah supaya keselamatan pelajar dan keamanan suasana sekolah dijaga.

Sebagai pengawas, apakah yang boleh kita lakukan untuk membantu pihak sekolah bagi menangani masalah ini? Kita haruslah memikul dan melaksanakan tugas sebagai pengawas dengan konsisten bagi memastikan tidak berlakunya perkara yang tidak diingini. Melalui cara ini, kita juga dapat menjadi contoh yang baik kepada pelajar- pelajar lain kerana jika kita menunjukkan sifat yang buruk, pelajar lain juga akan mengingkari peraturan sekolah.

Perkara kedua yang harus kita lakukan sebagai pengawas adalah tidak menutup sebelah mata ketika berlakunya gejala sosial di sekolah. Ini demikian kerana jika kita membiarkan sahaja kesalahan tersebut, ia mungkin akan bertambah teruk dan menjadi masalah yang besar sekiranya berlaku kecederaan. Kita harus menjalankan tugas dengan serius dan tidak memandang enteng terhadap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. Jika ternampak pergaduhan atau pambulian, laporkan kepada guru tentang masalah tersebut kerana malang tidak berbau.

BAHAN 2

Ikrar Badan Pemimpin Pelajar

Kami pengawas sekolah ini,
dengan ini berikrar akan sentiasa
melaksanakan tugas dengan penuh
amanah dan tanggungjawab

Kami juga berjanji
akan sentiasa memantapkan
jati diri dan personaliti dari semasa ke semasa
menjaga sahsiah, tingkah laku dan adab sopan
sesuai dengan tanggungjawab yang diamanahkan
seterusnya menjadi contoh
kepada semua murid sekolah ini

Kami juga berjanji
akan belajar bersungguh-sungguh
bagi mencapai kecemerlangan akademik dan kokurikulum, serta
mengharumkan nama sekolah kami,
seterusnya menjadi insan yang kamil,
berguna kepada agama, bangsa, masyarakat,
keluarga dan negara.

i. Berdasarkan **Bahan 1**, apakah tugas-tugas seorang pengawas sekolah? (3m)

ii. Nyatakan **dua** nilai yang perlu diamalkan oleh seorang pengawas sekolah. (3m)

iii. Satu daripada cabaran pengawas di sekolah ialah mereka berhadapan dengan situasi seperti terpaksa mengambil tindakan terhadap sahabat baik sendiri.

Sebagai seorang pengawas sekolah, adakah anda akan mengambil tindakan ke atas sahabat baik anda yang telah melanggar disiplin sekolah? Mengapa? (4m)

BAHAGIAN C

(15 markah)

Pilih **satu** daripada soalan di bawah.

1. Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **langkah-langkah menjaga keselamatan diri bagi kaum wanita**. Panjang ringkasan anda hendaklah antara 80 hingga 100 patah perkataan. Anda digalakkan menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Sikap kaum wanita yang sering mendedahkan diri kepada bahaya menjadi punca kes ragut, rogol, culik, tipu dan bunuh semakin meningkat. Sifat lemah-lembut, ikhlas, cantik, dan mudah mempercayai orang lain merupakan punca mereka menjadi sasaran lelaki ganas. Wanita bukan tidak dibenarkan kelihatan cantik atau menawan, tetapi apabila kelihatan terlalu seksi akan menjadi daya tarikan kepada orang jahat untuk mengganggu mereka.

Bahaya ini boleh dielakkan jika wanita tahu akan ilmu mempertahankan diri. Wanita juga disarankan membawa senjata di dalam beg tangan ataupun menyimpannya di dalam kereta. Pastikan juga keadaan tempat yang hendak dikunjungi itu. Adakah sibuk, terpencil, bahaya, atau selamat? Wanita hendaklah memberitahu keluarga terdekat jika hendak ke mana-mana atau mencatatkan nama tempat yang hendak di tuju dengan menghantar pesanan ringkas atau melekatkan pesanan pada pintu peti sejuk. Seelok-eloknya semasa berjalan hendaklah berteman. Jangan berjalan seorang diri di lorong-lorong yang sunyi. Jauhilah tempat-tempat yang berbahaya dan elakkan daripada bercakap dengan orang yang tidak dikenali.

Sebelum keluar rumah, masukkan ke dalam beg tangan barang-barang seperti telefon bimbit, kad nama, wisel, penyembur keselamatan seperti serbuk lada, gas pemedih mata, dan wang syiling untuk membuat panggilan telefon jika berlaku kecemasan. Pakailah aksesori yang boleh dijadikan senjata seperti sepit rambut yang tajam dan boleh dilipat dihujungnya. Ketika berjoging, masukkan barang-barang penting ke dalam beg yang boleh diikat di pinggang atau simpan barang-barang tersebut di dalam saku seluar.

Kaum wanita disarankan agar tidak terlalu cepat membuat tanggapan bahawa sesuatu tempat itu selamat kerana malang tidak berbau. Selalunya apabila telah berlaku sesuatu peristiwa, barulah timbul penyesalan. Mangsa akan mengalami trauma seumur hidup atau lebih dahsyat lagi dibunuh dengan kejam dan mayatnya ditemui dalam keadaan yang amat menyedihkan.

KERTAS SOALAN TAMAT